

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
(LANANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2016**

**Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah hasii bersih dan apakah perbezaan pendapatan negara berbanding dengan sistem cukai SST serta daripada kutipan tersebut berapa banyakkah hasil kutipan yang diterima daripada negeri Sarawak; dan
- (b) sama ada peratusan GST akan dinaikkan lagi iaitu lebih daripada 6% memandangkan GST dikatakan adalah penyelamat ekonomi negara.

**JAWAPAN** (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2015, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM219.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 31 Mac 2015 telah menyumbang sebanyak RM8.2 bilion, manakala kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 pula adalah sebanyak RM27.012 bilion. Dari segi perbandingan jumlah kutipan hasil, SST telah menyumbang kutipan berjumlah RM17.2 bilion sepanjang tahun 2014 manakala jumlah kutipan GST bagi tempoh 9 bulan iaitu mulai 1 April sehingga 31 Disember 2015 adalah lebih besar iaitu dengan jumlah kutipan bersih RM27.012 bilion setelah mengambil kira pembayaran tuntutan ke atas kredit input perniagaan.

Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran dibuat dan perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan secara

langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dibuat, kutipan mengikut lokasi dapat direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, aktiviti pengutipan cukai GST di negeri Sarawak bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 menunjukkan jumlah kutipan sebanyak RM0.820 bilion iaitu merupakan 3 peratusan daripada keseluruhan kutipan hasil GST.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar **standard** GST yang pada masa ini ditetapkan pada 6 peratus. Ini kerana sebelum pelaksanaan GST, kajian yang terperinci telah dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan mengambil kira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan 10 peratus bagi barangan dan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi perkhidmatan. Disamping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada sektor

tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambil kira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.